

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 19****TEBARAN PEMEGANGAN SEKURITI AWAM**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	28 Disember 2006
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 25 Mac 2013, 2 Januari 2018, 1 Mac 2021
	Perenggan 3.06, 8.02 dan 16.02

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai yang berikut:

- (a) berhubung dengan suatu permohonan bagi peratusan lebih rendah tebaran pemegang sekuriti awam menurut perenggan 3.06(1) atau 8.02(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian -
- (i) pertimbangan yang diambil kira oleh Bursa semasa mempertimbangkan permohonan itu; dan
 - (ii) maklumat yang mesti diberikan oleh pemohon atau penerbit tersenarai dalam permohonannya;
- (b) berhubung dengan pematuhan tebaran pemegang sekuriti awam -
- (i) kehendak pemberitahuan yang terpakai bagi penerbit tersenarai yang diluluskan dengan tebaran pemegang sekuriti awam yang lebih rendah;
 - (ii) hak Bursa untuk mengkaji semula keputusannya mengenai tebaran pemegang sekuriti awam yang lebih rendah yang diberikan kepada penerbit tersenarai;
 - (iii) kehendak penzahiran sekiranya penerbit tersenarai gagal mematuhi tebaran pemegang sekuriti awam yang dikehendaki; dan
 - (iv) maklumat yang penerbit tersenarai mesti masukkan dalam permohonan kepada Bursa bagi pelanjutan masa untuk membetulkan ketidakpatuhan tebaran pemegang sekuriti awam; dan
- (c) kehendak penzahiran yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai sekiranya ia mencetuskan penggantungan menurut perenggan 16.02(1) dan (2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

2.0 Permohonan bagi penerimaan peratusan tebaran pemegang sekuriti awam yang lebih rendah

2.1 Perenggan 3.06(1) dan 8.02(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa pemohon atau penerbit tersenarai mesti mematuhi tebaran pemegang sekuriti awam yang berikut ("**Tebaran Awam Dikehendaki**"):

- (a) pemohon mesti mempunyai sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah bilangan syer atau unit yang baginya penyenaraian dimohon, atau apa-apa peratusan yang lebih rendah yang dibenarkan oleh Bursa, yang dipegang oleh bilangan minimum 1,000 pemegang sekuriti awam yang memegang tidak kurang daripada 100 syer atau unit setiap satu; dan
- (b) penerbit tersenarai mesti, secara berterusan, memastikan bahawa sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah syer tersenarainya (tidak termasuk syer perbendaharaan) atau unit tersenarai, atau apa-apa peratusan yang lebih rendah yang dibenarkan oleh Bursa, dipegang oleh pemegang sekuriti awam .

2.2 Bursa boleh, atas permohonan oleh pemohon atau penerbit tersenarai, menerima peratusan yang lebih rendah daripada nilai ambang 25% ("**Tebaran Awam Lebih Rendah**") sekiranya semua syarat di bawah dipenuhi:

- (a) Pemohon atau penerbit tersenarai memenuhi kehendak permodalan pasaran bagi Tebaran Awam Lebih Rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Bil.	Permodalan Pasaran *	Tebaran Awam Lebih Rendah Minimum yang diterima
(i)	RM1 bilion atau lebih tetapi kurang daripada RM3 bilion	20%
(ii)	RM3 bilion atau lebih	15%

* *Pengiraan permodalan pasaran:*

(aa) *permodalan pasaran yang dijangka bagi pemohon pada tarikh permohonan penyenaraian; atau*

(bb) *purata permodalan pasaran penerbit tersenarai berdasarkan harga tutup harian sekuritinya dalam tempoh 12 bulan sebelum permohonan kepada Bursa;*

dan

- (b) Bursa berpuas hati bahawa:
 - (i) terdapat, atau akan terdapat, pasaran cair yang mencukupi dalam sekuriti pemohon atau penerbit tersenarai;
 - (ii) terdapat, atau akan terdapat, perdagangan yang teratur dan adil dalam sekuriti pemohon atau penerbit tersenarai;
 - (iii) pemohon atau penerbit tersenarai dan pengarah-pengarahnya mempunyai perlakuan tadbir urus korporat dan rekod pematuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan undang-undang sekuriti yang memuaskan; dan

-
- (iv) terdapat justifikasi yang munasabah yang mewajarkan Tebaran Awam Lebih Rendah bagi pemohon atau penerbit tersenarai.
- 2.2A Berkenaan dengan pemohon yang bercadang untuk memohon Tebaran Awam Lebih Rendah, ia mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam permohonannya:
- (a) permodalan pasaran yang dijangka bagi pemohon pada tarikh permohonan penyenaiaan; dan
 - (b) sebab tidak dapat memenuhi nilai ambang 25%, dan justifikasi yang mewajarkan Tebaran Awam Lebih Rendah.
- 2.3 Berkenaan dengan penerbit tersenarai yang bercadang untuk memohon Tebaran Awam Lebih Rendah, ia mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam permohonannya:
- (a) modal syernya atau modal pemegang unit dan bilangan syer terbitan atau unit terbitan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) bilangan pemegang sekuriti awam;
 - (c) peratusan tebaran pemegang sekuriti awam;
 - (d) pernyataan mengenai sama ada tebaran pemegang sekuriti awam termasuk pemegang syer substansial atau pemegang unit substansial yang disifatkan sebagai "awam" menurut perenggan 1.01 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan dan jika ya, perincian yang berikut berhubung dengan pemegang sekuriti itu:
 - (i) nama; dan
 - (ii) pemegang sekuriti dalam penerbit tersenarai;
 - (e) purata permodalan pasaran berdasarkan harga penutupan harian syer atau unit penerbit tersenarai dalam tempoh 12 bulan terakhir;
 - (f) peratusan syer tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan) atau unit tersenarai yang dipegang oleh 30 pemegang sekuriti teratas, nama dan pemegang sekuriti setiap pemegang sekuriti ini;
 - (g) peratusan tebaran pemegang sekuriti awam dalam 2 tahun terakhir;
 - (h) apa-apa tindakan penguatkuasaan yang diambil, atau prosiding penyiasatan atau penguatkuasaan yang dimulakan, terhadap penerbit tersenarai dan pengarah-pengarahnya oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan dalam 3 tahun terakhir yang berkaitan dengan perlakuan tadbir urus korporat mereka dan pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaiaan atau undang-undang sekuriti. Sekiranya tidak ada, pernyataan negatif bagi maksud itu; dan
 - (i) sebab bagi ketidakpatuhan Tebaran Awam Dikehendaki dan justifikasi yang mewajarkan Tebaran Awam Lebih Rendah.
- 2A.0 Pemberitahuan perubahan yang tertentu selepas pemberian Tebaran Awam Lebih Rendah**
- 2A.1 Penerbit tersenarai yang diluluskan Tebaran Awam Lebih Rendah mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa apabila ia menyedari mana-mana yang berikut:
- (a) apa-apa pengurangan dalam modal syer terbitan atau pemegang unitnya;

- (b) apa-apa pengurangan dalam tebaran pemegang sekuriti awam di bawah Tebaran Awam Lebih Rendah yang diluluskan; dan
- (c) apa-apa pengurangan purata permodalan pasaran bagi tempoh 12 bulan sebelumnya hingga di bawah nilai ambang yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.2(a) di atas.

2B.0 Hak Bursa untuk kajian semula lanjut

- 2B.1 Bursa berhak untuk mengkaji semula keputusannya bagi Tebaran Awam Lebih Rendah pada bila-bila masa, sekiranya penerbit tersenarai tidak lagi memenuhi mana-mana syarat bagi Tebaran Awam Lebih Rendah di bawah perenggan 2.2 di atas.

3.0 Kehendak penzahiran sekiranya berlaku ketidakpatuhan Tebaran Awam Dikehendaki

- 3.1 Perenggan 8.02(3) Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa penerbit tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa bahawa ia tidak mematuhi Tebaran Awam Dikehendaki dengan serta-merta apabila ia menyedari tentang perkara ini ("**Pengumuman Ketidakpatuhan**").
- 3.2 Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam Pengumuman Ketidakpatuhannya:
- (a) pernyataan bahawa penerbit tersenarai tidak mematuhi kehendak tebaran pemegang sekuriti awam yang dinyatakan dalam perenggan 8.02(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
 - (b) peratusan tebaran pemegang sekuriti awam;
 - (c) langkah-langkah yang diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh penerbit tersenarai untuk mematuhi Tebaran Awam Dikehendaki ("**Pelan Pembedulan**") termasuk yang berikut:
 - (i) garis masa tentatif berkenaan dengan Pelan Pembedulan; dan
 - (ii) status Pelan Pembedulan; dan
 - (d) jika penerbit tersenarai belum membuat Pelan Pembedulan, status usaha penerbit tersenarai untuk membuat pelan sedemikian atau jika Pelan Pembedulan belum dibuat dan/atau sekiranya tiada usaha telah diambil untuk membuat pelan itu, pernyataan negatif yang sesuai bagi maksud itu.
- 3.3 Selepas Pengumuman Ketidakpatuhan, penerbit tersenarai yang tidak mematuhi Tebaran Awam Dikehendaki mesti mengumumkan status usahanya untuk mematuhi Tebaran Awam Dikehendaki ("**Pengumuman Status**"). Penerbit tersenarai mesti membuat Pengumuman Status bagi setiap suku tahun kewangannya serentak dengan laporan suku tahun dan dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhir setiap suku tahun kewangan.
- 3.4 Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam Pengumuman Status:
- (a) maklumat yang ditetapkan dalam perenggan 3.2 di atas; dan
 - (b) suatu pernyataan sama ada pelanjutan masa bagi pematuhan telah diberikan oleh Bursa dan jika ada, yang berikut:
 - (i) tempoh pelanjutan yang diberikan;

-
- (ii) tarikh tamat tempoh pelanjutan.
- 3.5 Bagi mengelakkan keraguan, apabila Tebaran Awam Dikehendaki telah dipatuhi, penerbit tersenarai tidak lagi dikehendaki untuk membuat apa-apa Pengumuman Status.
- 4.0 Permohonan pelanjutan masa bagi pematuhan dan kehendak-kehendak penzahiran yang berkaitan**
- 4.1 Menurut perenggan 8.02(4) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai yang tidak mematuhi Tebaran Awam Dikehendaki boleh memohon kepada Bursa bagi pelanjutan masa untuk membetulkan tebaran pemegangan sekuriti awamnya.
- 4.2 Dalam hal ini, penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam permohonan bagi pelanjutan masa:
- (a) modal syer atau modal pemegang unitnya dan bilangan syer terbitan atau unit terbitan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) peratusan tebaran pemegangan sekuriti awam;
 - (c) bilangan pemegang sekuriti awam;
 - (d) sama ada tebaran pemegangan sekuriti awam termasuk pemegang syer substansial atau pemegang unit substansial yang disifatkan sebagai "awam" menurut perenggan 1.01 Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Sekiranya ya, perincian yang berikut berhubung dengan pemegang sekuriti awam itu:
 - (i) nama; dan
 - (ii) pemegangan sekuriti dalam penerbit tersenarai;
 - (e) purata permodalan pasaran berdasarkan harga tutup harian syer atau unit penerbit tersenarai dalam tempoh 12 bulan terakhir;
 - (f) sebab ketidakpatuhan Tebaran Awam Dikehendaki;
 - (g) peratusan syer tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan) atau unit tersenarai yang dipegang oleh 30 pemegang sekuriti teratas, nama dan pemegangan sekuriti setiap pemegang sekuriti ini;
 - (h) sekiranya terdapat Pelan Pembetulan, penjelasan tentangnya dan statusnya;
 - (i) jika penerbit tersenarai belum membuat Pelan Pembetulan, status usaha penerbit tersenarai untuk membuat pelan itu;
 - (j) jika tidak ada kemajuan berhubung dengan butiran (h) dan (i) di atas semasa pelanjutan masa sebelumnya, penerbit tersenarai juga mesti menjelaskan sebab bagi ketiadaan kemajuan itu;
 - (k) sebab kegagalan untuk membetulkan tebaran pemegangan sekuriti awam dalam tempoh pelanjutan masa sebelumnya, jika ada; dan
 - (l) justifikasi pelanjutan masa yang dimohon.

- 4.3 Jika pelanjutan masa untuk membetulkan tebaran pemegang sekuriti awam telah diberikan oleh Bursa, penerbit tersenarai mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa mengenai pelanjutan masa yang diberikan. Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam pengumuman:
- (a) pernyataan bahawa pelanjutan masa bagi pematuhan telah diberikan oleh Bursa dan perincian yang berikut:
 - (i) tempoh pelanjutan yang diberikan;
 - (ii) tarikh tamat tempoh pelanjutan; dan
 - (b) maklumat yang ditetapkan dalam perenggan 3.2 (b) hingga (d) di atas
- 4.4 Jika pelanjutan masa tidak diberikan oleh Bursa, penerbit tersenarai mesti dengan serta-merta mengumumkan keputusan Bursa itu. Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam pengumuman:
- (a) pernyataan bahawa pelanjutan masa bagi pematuhan tidak diberikan oleh Bursa;
 - (b) maklumat yang ditetapkan dalam perenggan 3.2 (b) hingga (d) di atas; dan
 - (c) pernyataan bahawa Bursa boleh -
 - (i) mengambil atau mengenakan bagi pelanggaran perenggan 8.02(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian apa-apa jenis tindakan atau penalti menurut perenggan 16.19 Kehendak-Kehendak Penyenaraian; dan
 - (ii) menggantung perdagangan sekuritinya menurut perenggan 16.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 5.0 Penggantungan jika tebaran pemegang sekuriti awam ialah 10% atau kurang dan kehendak penzahiran yang berkaitan**
- 5.1 Menurut perenggan 16.02(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, jika tebaran pemegang sekuriti awam penerbit tersenarai ialah 10% atau kurang daripada jumlah bilangan syer tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan) atau unit tersenarai ("**Nilai Ambang**"), penggantungan akan dikenakan oleh Bursa.
- 5.2 Penggantungan perdagangan yang dikenakan oleh Bursa di bawah perenggan 5.1 di atas hanya akan diangkat apabila Tebaran Awam Dikehendaki telah dipatuhi sepenuhnya atau sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- 5.3 Jika penerbit tersenarai menyedari, sama ada berhubung dengan penyediaan penyata setengah tahunnya atau selainnya, bahawa tebaran pemegang sekuriti awamnya mencetuskan Nilai Ambang, penerbit tersenarai mesti dengan serta-merta mengumumkan perkara ini kepada Bursa.
- 5.4 Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang berikut dalam pengumuman di atas:
- (a) tebaran pemegang sekuriti awam;
 - (b) pernyataan bahawa menurut perenggan 16.02(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, perdagangan dalam sekuritinya akan digantung serta-merta apabila tamat tempoh 30 hari pasaran dari tarikh pengumuman serta-merta itu memandangkan tebaran pemegang sekuriti awam penerbit tersenarai ialah 10% atau kurang daripada jumlah bilangan syer tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan) atau unit tersenarai;

- (c) tarikh penggantungan akan dikuatkuasakan (iaitu hari pasaran sebaik selepas tamatnya 30 hari pasaran dari tarikh pengumuman serta-merta itu);
- (d) pernyataan bahawa sebaik sahaja penggantungan menurut perenggan 16.02(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian dikuatkuasakan, ia hanya akan diangkat oleh Bursa apabila Tebaran Awam Dikehendaki telah dipatuhi sepenuhnya atau sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa;
- (e) langkah-langkah yang diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh penerbit tersenarai (jika ada) untuk meningkatkan tebaran pemegangan sekuriti awamnya hingga melebihi 10% sebelum tarikh penggantungan dikuatkuasakan;
- (f) penjelasan tentang Pelan Pembetulan (jika ada);
- (g) jangka masa tentatif bagi langkah-langkah yang disebut dalam subperenggan (e) di atas dan Pelan Pembetulan; dan
- (h) jika langkah-langkah yang disebut dalam subperenggan (e) di atas atau Pelan Pembetulan tidak dibuat dan/atau sekiranya tidak ada usaha yang diambil untuk membuat langkah-langkah atau Pelan Pembetulan itu, pernyataan negatif yang sesuai bagi maksud itu.